



Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, berikan maksud perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan dengan tepat mengikut konteks.

Aktiviti kokurikulum amat membantu dalam peningkatan disiplin murid melalui penyemaian nilai-nilai murni, selari dengan hasrat Rukun Negara. Selaras dengan aktiviti kokurikulum yang merupakan suatu saluran pembelajaran yang berasaskan gerak kerja yang terancang, aktiviti ini telah mewujudkan suasana sekolah yang lebih menarik dan menggembirakan murid-murid. Hubungan kerjasama dua hala antara sekolah dengan ibu bapa dapat dipererat. Hal ini bukan sahaja dapat meningkatkan kecemerlangan sekolah sebagai institusi pendidikan, malahan menyemarakkan semangat memasyarakatkan sekolah. Sesungguhnya, agenda pendidikan negara yang mementingkan kesepaduan kurikulum dan kokurikulum perlu diteruskan demi membentuk modal insan yang berilmu. Sejarah juga telah membuktikan bahawa pemimpin tersohor negara lahir daripada kalangan pelajar yang aktif berpersatuan semasa zaman remaja mereka.

Perkataan	Maksud
1. penyemaian	
2. saluran pembelajaran	
3. gerak kerja	
4. kerjasama dua hala	
5. menyemarakkan semangat	
6. modal insan	
7. pemimpin tersohor	
8. zaman remaja	

Sumber intelek yang ada pada sesorang manusia

Membangkitkan keinginan

Kelolaan

Wahana proses belajar

Dua pihak yang saling membantu

Ketua yang terkenal

Masa muda

Perbuatan memupukkan dan menyebarkan